



SIARAN MEDIA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

KUCHING, 24 Februari - Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak telah mengadakan program Sesi Libat Urus: Maklum Balas Pemain Industri terhadap Penggubalan Dasar Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Sarawak bertempat di Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, petang tadi.

Sesi libat urus ini dipengerusikan Pengerusi LPKP Sarawak, Encik Michael Kong Feng Nian yang bertujuan untuk membincang dan mendapatkan pandangan pemain industri mengenai penambahbaikan dasar pelesenan kenderaan perdagangan di Sarawak serta tindakan yang boleh diambil di atas kesalahan di bawah Seksyen 25, Akta 334.

Selain itu, sesi libat urus ini turut membincangkan beberapa isu yang berkaitan dengan pergerakan kenderaan perdagangan Sarawak ke atau dari Sabah.

Seramai 18 orang ahli persatuan yang mewakili 8 buah persatuan lori di Sarawak telah hadir menyertai sesi libat urus ini.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah Pengarah LPKP Sarawak, Puan Cornelia Wong Chui; Pengarah LPKP Sabah, Encik Dairin Unsir; Ahli Lembaga LPKP Sarawak, Superintenden Bingkok anak John serta wakil daripada JPJ Sarawak, Encik Rogie Saii.

-TAMAT-

Tentang LPKP Sarawak:

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak merupakan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan sebagai pelaksana pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan di Sarawak.

Pertanyaan Media:

Tel: +6082 412033 (Talian Umum)

Emel: pertanyaan@lpkpsarawak.gov.my

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK
25 FEBRUARI 2025**